

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

Oktober/November 1995

PLG 418 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan II

Masa: [2 jam]

Jawab TIGA (3) soalan semuanya, SATU soalan daripada setiap bahagian.

BAHAGIAN A

1. a) **Hikayat Hang Tuah** merupakan sebuah epik Melayu yang terunggul. Nyatakan ciri-ciri epik yang khusus bagi **HHT**.
[20 markah]
- b) Sekiranya tajuk ini dijadikan sebagai satu pelajaran, huraikan bagaimana anda akan melaksanakan pelajaran tersebut?.
[20 markah]
2. Kemukakan lima persamaan dan lima perbezaan isi kandungan **HHT** berbanding dengan **Sejarah Melayu**.
[40 markah]
3. Nyatakan bagaimana anda sebagai guru kesusasteraan dapat mengadakan aktiviti-aktiviti untuk mempertingkatkan minat dan jumlah khalayak dalam bidang kesusasteraan.
[40 markah]

...2/-

- 2 -

BAHAGIAN B

4. a) Nyatakan persoalan puisi yang dilampirkan (lihat Lampiran A).

[10 markah]

- b) Beri penilaian anda terhadap keindahan bentuk puisi tersebut.

[20 markah]

5. Puisi Melayu lama adalah pancaran masyarakat Melayu lama. Bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk tiga jenis puisi Melayu lama.

[30 markah]

BAHAGIAN C

6. Cerpen-cerpen dalam Patah Tumbuh banyak mempersoalkan latar belakang pengarang dan perjuangan yang dilaungkannya. Huraikan beberapa persoalan cerpen-cerpen dalam antologi tersebut yang dapat menyokong kenyataan di atas.

[30 markah]

7. Bincangkan bagaimana perancangan pengajaran novel Salah Asuhan dapat dilaksanakan.

[30 markah]

8. a) Apakah perbezaan di antara drama dalam pengertian sastera dengan drama dalam teater?

[15 markah]

- b) Kemukakan beberapa kaedah mengajar teks drama kepada pelajar-pelajar Tingkatan Enam.

[15 markah]

NYANYI SUNYI

(PLG 418)

Insaf

Segala kupinta tiada kauberi
Segala kutanya tiada kausahuti
Butalah aku terdiri sendiri
Penuntun tiada memimpin jari

Maju mundur tiada terdaya
Sempit bumi dunia raya
Runtuh ripuk astana cuaca
Kureka gembira di lapangan dada

Buta tuli bisu kelu
Tertahan aku di muka dewala
Tertegun aku di jalan buntu
Tertebas putus sutera sempana

Besar benar salah arahku
Hampir tertahan tumpah berkahmu
Hampir tertutup pintu restu
Gapura rahsia jalan bertemu

Insaf diriku dera derhaka.
Gugur tersungkur merenang mata:
Samar terdengar suwara-suwarni
Sapur melipur merindu temu.

Insaf aku
Bukan ini perbuatan kekasihku
Tiada mungkin reka tangannya
Kerana cinta tiada mendera

- oooOooo -